

## Dua beranak cedera ditembak 4 suspek

AZELI ALI |

25 Februari 2015 2:02 AM



POLIS memeriksa sebuah kereta yang ditembak sekumpulan empat suspek di Jalan Soong Ban Kheng, Bukit Mertajam Pulau Pinang di sini hari ini. – Utusan/Sazali Che Din

BUKIT MERTA JAM 24 Feb. - “Saya sangka bunyi mercun.” Demikian kata seorang peniaga yang enggan dikenali ketika ditanya mengenai insiden tembakan di Jalan Song Ban Kheng di sini tengah hari ini.

Menurutnya, ketika kejadian, sebuah kedai berhampiran membakar mercun sempena sambutan Tahun Baharu Cina dan tidak menyangka bunyi kuat itu dari tembakan ke arah sebuah kereta yang berhenti di lampu isyarat berhampiran persimpangan Kota Permai.

“Saya ingat bunyi mercun sebab kedai sebelah ini sedang membakar mercun sambut Tahun Baharu Cina dan bunyinya agak kuat.

“Tak sangka pula ada orang kena tembak dalam kereta. Saya baru sedar masa tengok orang kelim kabut depan kedai,” katanya kepada pemberita di sini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 12.40 tengah hari itu, seorang pemuda bersama ibunya menjadi mangsa tembakan yang dilepaskan ke arah kereta jenis Subaru yang dipandunya.

Pemuda berusia 21 tahun terbabit sebelum itu menghadiri perbicaraan kes dadah yang dihadapinya di Mahkamah Bukit Mertajam yang terletak kira-kira dua kilometer dari lokasi kejadian.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Datuk Mazlan Kesah berkata, kejadian itu dipercayai dilakukan empat lelaki yang menaiki dua motosikal yang melepaskan 10 das tembakan ke arah mangsa dan ibunya yang berusia 43 tahun.

Katanya, enam das tembakan dilepaskan dari sebelah kiri kereta hingga terkena lengan dan leher kiri wanita berkenaan yang duduk di kerusi penumpang depan manakala empat das lagi dari sebelah kanan terkena pemuda itu.

“Pemuda itu baru habis perbicaraan kes dadah di mahkamah berhampiran dan dalam perjalanan pulang ke rumah sebelum ditembak empat lelaki bermotosikal semasa berhenti di lampu isyarat.

“Siasatan awal mendapati mangsa memiliki beberapa rekod jenayah berkaitan dadah dan kekerasan serta dipercayai terlibat dengan kegiatan kongsi gelap,” ujarnya.

Tambah Mazlan, kedua-dua mangsa kini dalam keadaan stabil dan masih dirawat di Hospital Bukit Mertajam.

Menurutnya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 307 Kanun Keseksaan kerana cubaan membunuh.